

'Adib tetap dalam ingatan'

Ibu bapa melawat pusara Adib hampir setiap hari

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

KUALA KEDAH

Telah hampir setahun anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim meninggal dunia, namun kenangan dan ingatan terhadap beliau oleh keluarganya tidak pernah padam, malah doa sentiasa ditiptikan oleh ibu bapanya agar roh Allahyarham tenang.

Bapanya, Mohd Kassim Abdul Hamid, 63; berkata, beliau dan isteri, Asma Aziz, 51, setiap hari mengunjungi pusara anak ketiganya itu di Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid As Saadah, Kampung

Tebengau dekat sini untuk melepaskan kerinduan.

Menurutnya, selepas solat Subuh di Masjid As-Saadah, mereka berdua akan mengunjungi pusara Allahyarham untuk membaca doa dan menyedekahkan surah al-Fatihah.

"Apabila sehari kami tidak ke kuburnya, kami rasa tidak lapang kerana sentiasa teringat kepada Allahyarham, namun selepas mengunjungi dan menatap kuburnya, kami rasa lega.

"Semasa mengerjakan ibadah haji baru-baru ini bersama isteri, kami berdoa bersungguh-sungguh agar dipermudahkan segala-galanya dan dilampirkan dada kami untuk menerima ketentuan ini.

"Syukur Alhamdulillah, sekembali dari tanah suci, hati kami lebih tenang dan tidak lagi rasa 'berat' seperti sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya lagi, kehilangan Allahyarham Muham-



Mohd Kassim menzarahi pusara anaknya, Allahyarham Muhammad Adib di Tanah Perkuburan Islam Kariah Masjid As Saadah, Kampung Tebengau, Kuala Kedah selepas solat Asar semalam.

mad Adib adalah satu tamparan cukup besar buat mereka sekeluarga dan sebab apabila mengenang atau pun bercerita tentang anaknya itu.

"Sungguh, kehilangan nya cukup berat buat kami. Saya kadang-kadang mahu mengelak untuk bercerita tentang arwah Adib apabi-

la mahu ditemu bual sebab saya akan sebak.

"Namun saya syukur kerana ramai yang memberikan sokongan kepada kami. Malah ada yang kami tidak kenal sanggup datang dari seluruh negara untuk berjumpa menyampaikan ucapan takziah dan menzarahi kubur arwah Adib

sehingga hari ini," katanya.

Mohd Kassim berharap keputusan prosiding inkues esok mampu memberikan keadilan kepada arwah anaknya selepas 30 saksi telah dipanggil memberi keterangan dan 137 eksibit dikemukakan kepada mahkamah prosiding yang bermula pada 11 Februari lalu.

"Keputusan inkues ini bukan sahaja dinantikan oleh keluarga kami tetapi juga seluruh rakyat di negara ini dalam usaha mencari keadilan buat arwah," katanya lagi.

Mahkamah Koroner pada 21 Ogos lalu telah menetapkan 27 September sebagai tarikh keputusan prosiding inkues Allahyarham Muhammad Adib selepas meneliti semua keterangan yang diambil daripada saksi sebelum ini.

Muhammad Adib, 24, yang merupakan anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) JBPM Subang Jaya cedera parah ketika bertugas dalam rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25 di sini pada 27 November 2018.

Allahyarham Muhammad Adib menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu selepas 21 hari dirawat.

Bapa Adib terharu sokongan rakyat Malaysia

KUALA KEDAH - Keluarga anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim terharu dengan sokongan moral rakyat Malaysia yang ditunjukkan kepada mereka sehingga hari ini.

Bapanya, Mohd Kassim Abdul Hamid, 63, berkata, beliau sekeluarga sangat menghargai sokongan tersebut dan mengharapkan doa seluruh rakyat di negara ini agar keadilan buat anak ketiganya itu dapat ditegakkan.

Menurutnya, sejak beberapa hari lalu, tidur mereka tidak lena kerana memikirkan keputusan inkues yang akan diumumkan esok, namun telah bersedia dengan sebarang kemungkinan.

"Kami sekeluarga mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia yang menyokong kami. Kami rasa sangat terharu dengan sokongan anda semua, terima kasih.

"Pada 27 September ini sampai masanya keputusan inkues, kami berharap keputusan itu biarlah adil," ka-



MOHD KASSIM

tanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di kediamannya di Kampung Tebengau dekat sini.

Mengulas mengenai usaha pelbagai pihak termasuk bomba dan badan bukan kerajaan (NGO) yang menganjurkan solat hajat untuk keputusan kes Muhammad Adib di seluruh negara, Mohd Kassim berkata, beliau begitu menghargai usaha berkenaan.

"Memang saya dimaklumkan tentang usaha itu, malah turut mendapat jemputan untuk sama-sama menghadiri di beberapa tempat di ibu negara, namun saya tidak berkesempatan untuk hadir dan mewakili kepada ahli-ahli keluarga lain yang tinggal di sana untuk hadir.

"Saya akan turut ke ibu negara pada Jumaat ini (esok) bersama isteri, namun perlu menyelesaikan beberapa hal di sini terlebih dahulu. Kami juga akan mengadakan solat hajat dan bacaan surah Yasin di rumah kami dan juga di Masjid As Saadah Kampung Tebengau pada esok hari (hari ini)," katanya.

Anggota, pegawai bomba buat solat hajat

SUBANG JAYA - Sepasukan anggota dan pegawai di Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya mengadakan solat hajat setiap hari bagi memohon pertolongan ALLAH supaya keputusan inkues Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim pada Jumaat ini berjalan lancar.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya, Timbalan Penguasa Bomba, Syed Shahril Anuar Syed Sulaiman berkata, pihaknya mengadakan solat hajat selepas solat Maghrib secara berjemaah sejak sebulan lalu.

"Kita berharap keputusan itu adil dan memihak kepada arwah Muhammad Adib," katanya kepada *Sinar Harian*.

Syed Shahril Anuar berkata, tidak dinafikan semangat anggotanya terjejas sedikit selepas kejadian yang menimpa Allahyarham Muhammad Adib.

"Ketika itu, saya perlu memikirkan cara untuk membangkitkan semula semangat mereka supaya dapat mene-



Anggota dan pegawai Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya mengadakan solat hajat selepas solat Maghrib secara berjemaah sejak sebulan lalu.

ruskan tugas. Syukur kini mereka sudah boleh memahami namun kenangan bersama arwah Muhammad Adib akan sentiasa tersemat di hati dan sanubari," katanya.

Menurutnya, beliau juga telah mewujudkan almari 'memorial' Muhammad Adib' untuk tatapan umum.

"Saya ingin memori yang teringat di sanubari, oleh itu saya telah menyimpan pakaian dan peralatan arwah Muhammad Adib di dalam sebuah almari sebagai tanda ingatan dan kenangan ter-

hadap beliau," katanya.

Sementara itu, rakan kepada Allahyarham Muhammad Adib, Mohammad Zaki Zakwan Hamdan berkata, dia juga berharap keputusan tersebut adil serta berpihak kepada Allahyarham dan keseluruhan anggota bomba.

"Semoga keputusan ini berpihak kepada pihak bomba. Arwah Muhammad Adib yang merupakan rakan baik dan seringkali menghiburkan kawan-kawan," katanya.